

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : INDERA MAHKOTA
TARIKH : 24 MEI 2016, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) Lebuhraya Pertengahan Semenanjung "The Central Spine"; dan
- (b) jalan raya yang menghubungkan Bandar Sungai Lembing ke Jerantut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek membina dan menaik taraf Jalan Central Spine ialah antara projek yang menjadi keutamaan Kerajaan dalam RMKe-11 (2016 – 2020).

Projek ini telah dipecahkan kepada 2 fasa, iaitu dari Simpang Pelangai, Bentong ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 341.8km, dan laluan Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 61.5km. Fasa Jalan Central Spine dari Simpang Pelangai, Bentong ke Kuala Krai, Kelantan telah diluluskan secara berperingkat mulai

RMKe-10. Pelaksanaan projek bernilai RM6.6 bilion ini dipecahkan kepada 6 pakej pembinaan.

Keutamaan Kerajaan ialah untuk membina pakej 3 (Merapoh ke Kg. Relong) dan pakej 5 (Bentong ke Raub). Pada masa kini sepanjang 37.5km jalan baru atau 10% dari jarak keseluruhan projek (Central Spine Road) CSR telah siap dibina, iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Kechur, Kuala Lipis. Manakala dua sub pakej di Kuala Lipis lagi sedang dalam peringkat pembinaan, iaitu laluan dari Kg. Kechur ke Kg. Seberang Jelai, Kuala Lipis (3.85km, dirancang siap pada bulan Oktober 2016); dan laluan dari Merapoh ke Kg. Kubang Rusa, Kuala Lipis (14km, dirancang siap pada bulan Mac 2018). Di samping itu pembinaan laluan CSR melibatkan Mentara ke Merapoh, Kuala Lipis sepanjang 5.8km dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2016 ini.

Bagi fasa pembinaan dari Bentong ke Raub pula, projek yang kini sedang dalam peringkat pembinaan ialah melibatkan laluan dari Kg. Asap ke Kg Sertik, Karak (5.8km, dirancang siap pada November 2017). Manakala 2 lagi sub pakej Bentong - Raub, iaitu sepanjang 10.4km baru sahaja dimulakan pada 18 April 2016 dan sub pakej sepanjang 12.3km dijangka akan dimulakan pada bulan Julai 2016 ini. Baki laluan CSR yang lain akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sepanjang tempoh RMKe-11 ini (2016 - 2020), tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada Agensi Pusat.

Mengenai projek membina dan menaik taraf Jalan Kota Bharu - Kuala Krai pula - untuk makluman Ahli Yang Berhormat - Kerajaan telah memutuskan ia dibuat secara berperingkat kerana ia melibatkan kos yang tinggi, iaitu dianggarkan sebanyak RM1.9 bilion. Pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada 3 fasa seperti berikut, iaitu Pakej 1: dari Wakaf Che Yeh ke Kadok sepanjang 10.8km; Pakej 2 dari Kadok ke Bukit Tiu, Machang sepanjang 28.9km; dan Pakej 3 dari Bukit Tiu, Machang ke Kuala Krai sepanjang 21.1km.. Setakat ini Kerajaan telah meluluskan 2 pakej pembinaan untuk projek membina Jalan Kota Bharu - Kuala Krai, iaitu:

- (1) Fasa 1 (Pakej 1B): Pasir Hor - Kadok. Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2014 - kemajuan semasa di tapak 65% - dan dijangka siap pada bulan April 2017; dan
- (2) Fasa 2 (Pakej 2A): Kadok - Ketereh: Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2015 - kemajuan semasa di tapak 22% - dan dijangka siap pada bulan April 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baki jajaran Jalan Central Spine lain – termasuk jajaran di negeri Kelantan – akan dilaksanakan secara berfasa sepanjang tempoh RMKe-11 ini (2016 - 2020), tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada Agensi Pusat.

(b) Mengenai status projek Membina Jalan dari Sungai Lembing ke Jerantut, Pahang – untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah dipohon untuk dilaksanakan dalam Rolling Plan Pertama (2016-2017), RMKe-11. Walau bagaimanapun projek ini ditangguhkan setelah mengambil kira faktor keutamaan projek yang rendah, isu sensitiviti alam sekitar dan juga kos projek yang sangat tinggi (anggaran RM1.1 bilion untuk jarak sepanjang 55km).

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 137

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 05

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penubuhan Jawatankuasa Khas dalam memantau isu-isu alam sekitar di dalam negara ini. Adakah pihak Kementerian akan melibatkan semua agensi termasuk pihak berkuasa, pakar penyelidik, NGO dan semua pihak yang berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat beberapa Jawatankuasa Khas yang dibentuk di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bagi memantau isu-isu alam sekitar termasuklah isu-isu spesifik dan terkini agar ianya dapat ditangani dengan berkesan samada melalui perkongsian dan penyaluran maklumat, penyelarasan tindakan antara agensi, penambahbaikan terhadap prosedur/garis panduan/perundangan sedia ada, dan lain-lain.

Antaranya Jawatankuasa yang telah ditubuhkan di bawah NRE adalah seperti berikut :-

a) Mesyuarat Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan

Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan telah ditubuhkan semenjak tahun 1997 dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan yang berkait rapat dengan pengurusan bencana jerebu, antaranya seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Di Raja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Agensi Remote Sensing Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak,

Jabatan Perhutanan Negeri Sabah, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Sabah.

b) Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar Dan Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE)

Mesyuarat Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar Dan Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan objektif menjadikannya sebagai satu forum formal untuk menggalakkan kerjasama dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pengurusan alam sekitar dan isu-isu alam sekitar. Ahli-ahli MEXCOE terdiri daripada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sebagai Pengerusi dan 14 Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar.

Mesyuarat MEXCOE telah diadakan 14 Januari 2016 yang lalu. Melalui mesyuarat ini, agenda-agenda alam sekitar termasuk Tindakan-tindakan Menangani Jerebu, Pengurusan Buangan Elektrik & Elektronik Dari Isi Rumah (Household E-Waste), Penganjuran Hari Alam Sekitar Negara, obligasi Negara terhadap Perjanjian Antarabangsa dapat diselaraskan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

c) Majlis Kualiti Alam Sekeliling (Environmental Quality Council – EQC)

Majlis Kualiti Alam Sekeliling (Environmental Quality Council – EQC) merupakan badan yang diperuntukkan penubuhannya di bawah Seksyen

4, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Tugas-tugas Majlis ini adalah:-

- a. pada amnya menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara berhubung dengan Akta ini; dan
- b. menasihatkan Menteri mengenai apa-apa perkara yang dirujuk kepada oleh Menteri.

Bagi penggal ini, EQC dipengerusikan oleh YBhg Prof Dato' Dr. Mazlin Mokhtar, Timbalan Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ahli-ahli Majlis adalah terdiri daripada wakil – wakil 10 Kementerian (dilantik oleh Menteri masing-masing), Wakil Kerajaan Negeri Sabah & Sarawak (dilantik oleh Kerajaan Negeri masing-masing), Wakil Industri Petroleum, Kelapa Sawit, Getah, Pekilang-pekilang dan Kakitangan Akademik.

Melalui mesyuarat EQC, draf pindaan Akta, draf Peraturan serta garis panduan diteliti dan ditambahbaik oleh Ahli-Ahli Majlis sebelum diangkat ke peringkat yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
TARIKH : 24.5.2016
SOALAN : NO. 138

Y.B. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah dakwaan oleh pelajar-pelajar bahawa mereka tidak mampu untuk menanggung kos sara hidup yang tinggi bagi meneruskan kehidupan seharian di Universiti Awam dan Universiti Swasta memandangkan bantuan sedia ada adalah tidak mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan bagi membantu meringankan beban mahasiswa seperti Baucar Buku 1Malaysia, Kad Siswa, zakat, tabung kebajikan, biasiswa dan pinjaman. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut menyediakan 22 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran kepada pelajar-pelajar yang berkecukupan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Di samping itu, pihak Universiti Awam (UA) masing-masing ada menyediakan bantuan/program seperti makanan percuma, Bantuan Sara Hidup, Tabung Wang Ehsan, Insurans Berkelompok Pelajar Tempatan dan sumbangan derma kepada mahasiswa. Sekiranya terdapat mahasiswa yang memerlukan bantuan, mereka boleh tampil ke pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) untuk membuat laporan dan permohonan. Di UA juga menyediakan tabung kebajikan dan dana sedia ada mencukupi untuk membantu mahasiswa. Premis-premis yang beroperasi turut menawarkan peluang pekerjaan dan UA disarankan untuk meningkatkan kemahiran mahasiswa bagi menangani masalah. Misalnya, pada tahun 2015, seramai 6,813 mahasiswa bekerja sambilan/sementara dalam kampus UA untuk menampung kos sara hidup serta menimba pengalaman pekerjaan.

Di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), bantuan kewangan turut ditawarkan kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan seperti Yayasan Universiti, *Student Welfare Council* dan Tabung Amanah Zakat. Selain itu, terdapat IPTS yang menyediakan bantuan biasiswa, pinjaman dan potongan yuran bagi pelajar yang kurang berkemampuan. Di samping itu, pihak KPT turut melaksanakan pemantauan melalui Audit Pematuhan bagi memastikan IPTS mengenakan yuran mengikut kadar yang diluluskan.